



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSOLOR**

Bilangan 3 Tahun 2009

Kepada
Semua Ketua Bahagian/Pusat/Unit
Dekan-Dekan Fakulti
Pengarah-Pengarah Kampus

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

PENGUNAAN PERKAKASAN/PERISIAN BAGI KAEDAH INSTANT DATA RECOVERY

Sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara di atas. Harap maklum bahawa, berdasarkan statistik penggunaan sistem rangkaian Universiti didapati berlakunya kesesakan trafik pada waktu-waktu tertentu yang berpunca daripada sistem pengoperasian komputer pengguna yang mencari fail-fail pengemaskinian sistem operasi (MS-Windows, Patches/Windows update) secara automatik dan memuat turun fail-fail dan sebagainya.

Penggunaan sebarang perkakasan atau perisian yang berbentuk *instant data recovery* (Contohnya JuzReboot) pada komputer akan menyebabkan komputer ini secara langsung berada dalam keadaan asalnya selepas di *reboot*. Keadaan ini menyebabkan komputer-komputer tersebut akan secara serentak mengemaskini sistem operasi mereka dan ini akan melibatkan penggunaan *bandwidth* yang besar. Secara tidak langsung capaian kepada sistem rangkaian, secara amnya, akan menjadi perlahan.

Perkakasan atau perisian ini juga akan menyebabkan komputer tidak dapat menggunakan sistem rangkaian Universiti apabila Network Access Control (NAC) dilaksanakan di UiTM kerana NAC akan mengkuarantin komputer-komputer yang tidak mempunyai *patches* terkini dan akan menghantar *patches* kepada setiap komputer yang dikuarantin.

Justeru pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan hendaklah memastikan semua penggunaan perkakasan atau perisian yang berbentuk *instant data recovery* dihentikan dan *uninstall* dari komputer masing-masing termasuk di makmal-makmal komputer. Tindakan segera pihak Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan amat dihargai untuk memastikan sistem rangkaian universiti berjalan lancar.

Sekian, terima kasih. *Wassalam*

Yang benar

PROF. MADYA DR. ZAINI ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Penilaian & Penggunaan Komputer (JPPK)

s.k. Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA

Tarikh : 4 September 2009
Bil. Fail : 100-PPS(PT.6/7/2)